

(Hanya untuk orang bukan Islam)

## **Gereja Mengumumkan Lapan Presiden Misi Baharu untuk Asia**

Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah memanggil 105 orang presiden misi baharu dan rakan pasangan mereka untuk memulakan pelayanan pada bulan Julai; lapan daripadanya telah dipanggil untuk melayani di Kawasan Asia.

<b><i>Misi</i></b>	<b><i>Presiden</i></b>	<b><i>Rakan Pasangan</i></b>
Kemboja Phnom Penh	Veasna Neang	Chanthy Thol
China Hong Kong	Hok On Chan	Kwan Ying Chan
India New Delhi	Robert K. William	Anne William
Indonesia Jakarta	Edwin Tandiman	Christine D. Tandiman
Taiwan Taichung	Karl J. Fields	Melanie A. Fields
Taiwan Taipei	Steve Shih Ning Yang	Helene Mei Jyan Yang
Thailand Bangkok	Kelly T. Burgener	Elizabeth W. Burgener
Vietnam Hanoi	Larry K. Hughes	Janece Hughes

Di antara lapan pasangan ini, empat berasal dari Amerika Syarikat, manakala empat yang lain adalah para pemimpin Gereja dari negara mereka sendiri. Mereka yang dipanggil untuk melayani di negara asal mereka adalah: Ahli Kawasan Tujuh Puluh Elder Robert K. William dari India, Presiden Pancang Hong Kong China New Territories Hok On Chan, Presiden Daerah Phnom Penh Kemboja Timur Veasna Neang, dan bekas Presiden Pancang Kaohsiung Taiwan Barat Steve Shih Ning Yang.

“Kami sangat teruja kerana sekumpulan pemimpin misi baharu yang berbakat dipanggil ke Kawasan Asia dan gembira kerana banyak yang dapat melayani di negara asal,” kata Elder David P. Homer Presidensi Kawasan Asia. “Ini merupakan peristiwa penting yang tidak dapat dilupakan dalam pertumbuhan Gereja di Asia.”

President Misi dan rakan pasangan mereka lazimnya melayani selama tiga tahun berturut-turut. Mereka mengurus dan melatih para penginjil muda dan akan bekerja dengan beratus orang selama tiga tahun pelayanan mereka. Pasangan ini akan mengurus dan mengawasi kesejahteraan jasmani, emosi, dan rohani para penginjil, dan juga memberi arahan kepada penginjil mengenai cara untuk mengajar injil Yesus Kristus dengan berkesan.